

18/11/1998

Penyokong Anwar teruskan perhimpunan

KUALA LUMPUR, Selasa - Kira-kira 1,000 penyokong reformasi mengadakan perhimpunan haram di Masjid Jamek, Kampung Baru di sini malam ini, dengan mengedarkan lencana dan poster Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada orang ramai.

Peserta perhimpunan mula berkumpul di hadapan masjid berkenaan kira-kira jam 9.35 malam dan kelihatan bersorak apabila beberapa penyokong Anwar mengedarkan lencana dan poster Anwar secara terbuka.

Perhimpunan itu hanya bermula 15 minit kemudian dan berlangsung selama kira-kira dua jam setengah sahaja. Bagaimanapun, orang ramai kelihatan tidak agresif seperti minggu lalu.

Sorakan mereka juga tidak sebingit seperti sebelum ini dan sekurang-kurangnya tiga kali mereka dilihat bertempieran lari kerana menyangka kehadiran polis di situ.

Dalam satu kejadian kira-kira jam 10.30 malam, orang ramai bertempieran lari meninggalkan kawasan itu kerana terdengar bunyi siren. Bagaimanapun, mereka berhimpun semula lima minit kemudian selepas mendapati siren itu daripada sebuah ambulans.

Bagaimanapun, segelintir mereka membakar dan memijak poster yang bertulis perkataan anti-kerajaan kira-kira jam 11.00 malam, sejurus sebelum bersurai.

Sebagaimana perhimpunan terdahulu, mereka bersorak melaungkan reformasi dan meminta pemimpin tertentu meletakkan jawatan.

Beberapa kenderaan di Jalan Raja Abdullah turut membunyikan hon sebagai tanda sokongan mereka kepada gerakan reformasi dan menayangkan poster Anwar.

Antara tulisan pada poster berkenaan ialah 'Clinton Arrest Mahathir' (Clinton Tahan Mahathir) dan 'Anwar for PM' (Anwar sebagai Perdana Menteri).

Sementara itu, Bernama melaporkan tujuh lelaki ditahan polis berpakaian preman kerana membawa risalah mengenai reformasi dan juga menyertai perhimpunan haram itu.

Sebuah helikopter polis juga dilihat berlegar-legar di sekitar masjid itu sejak jam 8.30 malam dan menyuluh ke arah orang ramai yang berada berhampiran masjid itu.

(END)